



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH  
IRSYAD AL-FATWA**

**FATWA MENGENAI ISU-ISU BERBANGKIT BERHUBUNG  
CADANGAN PEMBINAAN MASJID DAERAH KULIM**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Pejabat Daerah dan Tanah Kulim, Kedah mengenai isu-isu berbangkit berhubung **Cadangan Pembinaan Masjid Daerah Kulim**. Berdasarkan maklumat yang disampaikan oleh pemohon, tapak Masjid Daerah Kulim iaitu Lot 7827 Mukim Padang Cina, Kulim Kedah yang berkeluasan 21 ekar telah **diwakaf atas nama Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)**. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa memutuskan ;

1. Hasil sawit yang terdapat di atas tapak masjid tersebut adalah **harus untuk dijual dan hasil jualan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Dana Wakaf Pembinaan Masjid Daerah Kulim**.
2. Jawatankuasa Penaja Pembinaan Masjid Daerah Kulim **boleh mengagihkan secara percuma lebih tanah yang perlu dibawa keluar dari tapak pembinaan berkenaan kepada mana-mana masjid dan surau yang memerlukan**.
3. Bagaimanapun, sekiranya tiada masjid atau surau yang memerlukan atau masih terdapat lebih tanah daripada penyediaan tapak projek, maka dicadangkan **lebih tanah tersebut dijual kepada orang awam dan hasil jualan tersebut juga hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Dana Wakaf Pembinaan Masjid Daerah Kulim**.

Semoga hasrat murni pembinaan Masjid Daerah Kulim dapat direalisasikan dalam usaha memartabatkan syiar Islam khususnya di Daerah Kulim, Kedah.

**TARIKH KEPUTUSAN : 13 DISEMBER 2020**